

Governan: Membina Kemampanan Dalam Sektor Awam

Bagaimanakah peserta mengukur governan?

Bagaimanakah peserta boleh meningkatkan pengurusan pentadbiran dan perkhidmatan agensi melalui peningkatan atau penambahbaikan dalam aspek pengurusan yang ekonomik, cekap, berkesan dan memantapkan etika?

Pengenalan

Governan ketika ini adalah merupakan satu isu dalam subjek Pengurusan yang hangat dibincangkan ketika ini. Ia akan terus dikaji oleh ahli-ahli profesional, ilmiah dan juga agensi bertanggungjawab atas penguatkuasaan seperti kerajaan, bank pusat dan juga pihak yang bertanggung jawab mengawal selia pasaran ekuiti dan kewangan di Malaysia. Di Malaysia agensi-agensi kerajaan seperti GLC, universiti, badan berkanun, syarikat awam dan syarikat tidak disenaraikan telah memperakui kepentingan governan di Malaysia. Dasar dan polisi-polisi governan organisasi-organisasi ini telah didokumenkan dengan lengkap dan menyeluruh serta boleh diperolehi oleh orang awam dan sesiapa sahaja melalui laman web organisasi berkenaan. Walau bagaimanapun, implementasi governan di Malaysia didapati menghadapi pelbagai masalah. Pelanggaran prinsip-prinsip governan bukan sahaja berlaku dalam skala yang kecil malah dalam skala yang besar dan serius. Kes-kes seperti ini telah menjejaskan imej, prestasi, kegagalan melaksanakan aktiviti dan juga masalah kewangan yang serius.

Objektif Program

Program ini bertujuan untuk

- Implikasi dan kesan-kesan negatif atas kegagalan melaksanakan dasar-dasar dan prinsip-prinsip governan
- Membincangkan isu-isu/ kes-kes yang berlaku di Malaysia dari sudut kegagalan melaksanakan konsep dan prinsip-prinsip governan
- Sejarah perkembangan hingga terbentuknya governan di peringkat tertinggi dalam sesebuah Negara hingga menjadi dasar dan dikuatkuasakan dengan undang-undang khusus
- Membincangkan pengertian, konsep, prinsip-prinsip governan dan elemen yang terkandung dalam governan
- Melaksanakan governan dan pentingnya peranan 'stakeholders' dalam melaksanakan governan.

Hasil Pembelajaran

Selepas menghadiri kursus ini para peserta sudah boleh atau berpengetahuan tentang:

- Governan, elemen-elemen yang perlu dimasukkan dan dilaksanakan
- Tip mengelakkan dari melanggar prinsip governan

- Cara melaksanakan dengan berkesan serta pentingnya peranan ‘stakeholders’ bagi memastikan objektif governan dicapai.

Siapa Yang Patut Hadir?

Pegawai-pegawai kumpulan sokongan, pegawai gred 41-44, pegawai gred 48-52 dan pegawai gred 54 dan ke atas. Pegawai-pegawai yang terlibat secara langsung dalam proses perolehan di peringkat penolong pegawai perolehan hingga pengurusan pertengahan.

Metodologi

Kajian kes, perbincangan forum, main peranan, pembentangan, gamifikasi

Kerangka Latihan

Masa	Hari Pertama
9.00am – 10.30am	Kesan kegagalan melaksanakan governan: Sesi ini akan membincang kes dan isu-isu kegagalan memenuhi kehendak governan dan kesan ke atas organisasi yang terlibat. Sesi akan merujuk kepada kes klasik Enron (collapse of Enron) dan juga kes-kes di Malaysia yang akan dibincang dari sudut kegagalan melaksanakan prinsip dan elemen governan. Kesan dan akibatnya juga akan dibincangkan secara umum.
10.30am – 11:00am	Rehat dan Rangkaian
11.00am – 1.00pm	Konsep dan Prinsip-Prinsip Governan Ringkasan perkembangan (development) prinsip dan konsep governance. Ia adalah meliputi Agency theory, COSO framework, Sarbanes-Oxley dan OECD – Principles of Corporate Governance 2004. Definisi dan Prinsip-Prinsip Governan khususnya membincangkan tajuk-tajuk termasuklah definisi dan objektif Governan, prinsip-prinsip governan OECD 2015, elemen-elemen Governan iaitu Akauntability, transparency, leadership, fairness, assurance dan stakeholders management.
1.00pm – 2.00pm	Makan Tengah Hari dan Rangkaian
2.00pm – 3.30pm	Elemen-elemen penting governan

	Dalam modul ini, peserta akan mempelajari elemen penting dalam governance termasuklah fairness, assurance, dan stakeholder management.
3.30pm – 4.00pm	Rehat dan Perangkaian
4.00pm – 5.00pm	Peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah dalam melaksanakan governan yang baik dan berkesan. Khususnya dalam GLC dan Syarikat senarai awam . Peranan/tanggungjawab BOD adalah termasuk memastikan governan syarikat/organisasi seperti menetapkan strategi dan hala tuju syarikat, memberi kepimpinan yang baik dan berkesan, serta mengawasi (monitor) aktiviti-aktiviti pengurusan dan melaporkan kepada pemegang saham/ pemilik dan stakeholders.
Masa	Hari Kedua
9.00am – 10.30am	Apakah ciri-ciri penting yang perlu diambil kira dan diamalkan oleh BOD dalam melaksanakan governan yang baik dan berkesan. Adalah menjadi satu cabaran yang besar kepada BOD dan pengurusan untuk memastikan governan dilaksanakan dengan berkesan setiap masa bagi memastikan bahawa objektif organisasi dicapai. Di antara ciri utama yang akan dibincang adalah pemegang saham/ pemilik dapat melaksanakan kuasanya melantik/ mengganti BOD, organisasi mestilah diketuai oleh BOD yang efektif, struktur organisasi dan kuasa yang berkesan, sistem pengesanan yang cekap, kepatuhan kepada undang-undang, polisi dan prosedur, kawalan dalaman yang berkesan bagi mengesan, mencegah dan membetul salah laku.
10.30am -11.00am	Rehat dan Rangkaian
11.00am – 1.00pm	Governan dalam syarikat awam di Malaysia: Dalam modul ini, peserta akan mempelajari peranan suruhanjaya sekuriti dalam corporate governance dan ‘Code of Corporate Governance’ yang diguna pakai di Malaysia.
1.00pm -2.00pm	Makan Tengah Hari dan Rangkaian
2.00pm -3.30pm	Lembaga Pengarah dan Governan Apakah Faktor yang menyebabkan Lembaga Pengarah berdepan

	masalah dalam melaksanakan governan yang berkesan (How directors gets into trouble in relation to its responsibility of ensuring good corporate governance)
3.30pm – 4.00pm	Rehat dan Perangkaian
4.00pm – 5.00pm	Pengurusan ‘stakeholders’ Peranan dan sumbangan pelbagai stakeholders dalam sesebuah organisasi dan potensi masalah yang boleh berbangkit
Masa	Hari Ketiga
9.00am -10.30am	Peranan Ahli Lembaga Pengarah Dalam syarikat-syarikat milik kerajaan (GLC). GLC adalah syarikat/ perbadanan milik kerajaan yang melaksanakan aktiviti untuk kepentingan kerajaan, pemegang saham dan orang awam. Ia bertanggungjawab bukan sahaja dalam mencapai objektif korporat, tetapi juga meliputi objektif sosial dan juga alam persekitaran (environment)
10.30am – 11.00am	Rehat dan Rangkaian
11.00am – 1:00pm	‘Institutional Investor’ dan Peranannya Dalam Corporate Governance. Adalah sesuatu yang biasa di Malaysia bahawa ‘Institutional investors’ mempunyai pegangan saham yang besar dan menguasai pegangan dalam sesebuah syarikat atau organisasi. Oleh itu ia BOD dalam organisasi seperti ini hendaklah melaksanakan tugas melaksanakan CG dengan baik dan berkesan.
1.00pm – 2.00pm	Makan Tengah Hari dan Rangkaian
2.00pm – 5.00pm	Audit Ke Atas Pelaksanaan Corporate Governance: Audit ke atas CG sesebuah organisasi adalah salah satu cara untuk memastikan bahawa CG dilaksanakan dengan mematuhi dasar dan prinsip-prinsip governan yang ditetapkan dalam sesebuah organisasi. Siapakah yang sepatutnya menjalankan fungsi ini?. Apakah isu, cabaran dan masalah yang mungkin dihadapi?